

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**
TARIKH : **18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 25

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan sebuah agensi pemantau khas bagi pendidikan awal, latihan kepada golongan pendidik dan penjagaan kanak-kanak seawal sebelum setahun hingga enam tahun meliputi semua aspek. Jika tidak, apakah pendekatan yang diambil pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian bersetuju bahawa pendidikan awal kanak-kanak penting dalam mengembangkan potensi dan bakat mereka seawal usia. Di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak dikawal selia oleh beberapa kementerian, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta dikuatkuasakan oleh akta yang berbeza. Oleh yang demikian, pendaftaran, penguatkuasaan dan pemantauan menjadi isu utama dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia selain isu pengasuh yang kurang terlatih.

Kerajaan melalui keputusan Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kawal Selia Institusi Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2016. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mengawal selia, menyelaras dan mengumpul maklumat berkaitan institusi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia dan merintis penubuhan badan khas yang mempunyai kuasa eksekutif untuk memantau pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Melihat kepada senario pendidikan awal kanak-kanak ini, Kerajaan telah bersetuju untuk mengaktifkan semula Jawatankuasa Khas ini yang hanya bersidang pertama kalinya pada tahun 2017 kerana berpandangan Jawatankuasa ini masih relevan dan boleh dijadikan platform terbaik untuk membincangkan mengenai isu, cabaran dan *way forward* yang boleh dilaksanakan bersama oleh pelbagai agensi dalam memastikan pendidikan awal kanak-kanak yang ditawarkan adalah berkualiti dan mampu diperolehi oleh semua.

Buat masa sekarang, Kementerian sebagai peneraju kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di bawah usia empat tahun telah melaksanakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), KEMAS, Jabatan Perpaduan dan JAKIM dalam usaha meneliti penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bersama dalam memastikan kepentingan kanak-kanak di bawah usia

SOALAN NO. 25

enam tahun terjaga terutamanya berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.26

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini operasi Lynas dan di manakah sisa Lynas akan dilupuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lesen operasi Lynas masih berkuatkuasa sehingga 2 September 2019. Pada masa ini, Lynas belum lagi memohon untuk pembaharuan lesen.
2. Syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom kepada Lynas (Malaysia) Sdn Bhd untuk beroperasi akan mengambil kira semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), syarat pelaburan yang dikenakan oleh pihak MITI serta syor oleh *Parliament Select Committee (PSC)* 2012 dan syarat-syarat lain yang akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 27

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah terdapat peruntukan untuk mengecualikan atau subsidi yuran bagi golongan anak asnaf atau B40 bagi kategori sekolah atau IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dalam usaha mempertimbangkan cadangan memberikan pendidikan percuma sepenuhnya agar dapat mengurangkan beban rakyat mendapatkan hak pendidikan. Walau bagaimanapun, cadangan ini, memerlukan kajian terperinci kerana mempunyai implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan serta melibatkan kelestarian institusi penyedia perkhidmatan pendidikan pada masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan rendah dan menengah Kerajaan adalah percuma sepenuhnya. KPM telah memansuhkan kesemua yuran persekolahan. Kos pembelajaran dan pengajaran (PdP) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Bantuan Geran Per Kapita (PCG) kepada semua murid tanpa mengira golongan asnaf atau kumpulan isi rumah 40 peratus terendah (B40).

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan, KPM telah menawarkan 19 jenis Bantuan Persekolahan iaitu Bantuan Umum, Bantuan Khusus dan Bantuan *One-Off* kepada murid sekolah yang berkelayakan. Bantuan khusus kepada pelajar diberi berdasarkan kriteria dan kelayakan mengikut pendapatan isi rumah bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan. Rancangan Makanan Tambahan dan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) adalah merupakan contoh Bantuan Khusus yang diberikan kepada murid sekolah.

Manakala takrifan pelajar miskin yang layak menerima bantuan kebajikan di universiti awam (UA) terdiri daripada beberapa kategori iaitu golongan yang mempunyai isi pendapatan rumah/keluarga bawah RM3,000.00 dan dikategorikan sebagai B40, pelajar yang mengalami masalah kewangan ketika tempoh pengajian, penerima zakat (asnaf, miskin, ghorimin dan fisabilillah), orang kurang upaya (OKU) dan mualaf yang memerlukan serta pelajar yang memerlukan bantuan kewangan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak UA sendiri.

NO. SOALAN: 27

Jumlah pelajar asnaf dan B40 yang sedang menuntut di UA adalah sebanyak 269,756 orang atau 65.89 peratus secara keseluruhannya.

Kerajaan juga telah membiayai hampir 90 peratus daripada kos pendidikan di UA. Sebagai contoh kos pengajian bidang perubatan di Universiti Malaya (UM) yang perlu dibayar oleh pelajar adalah berjumlah RM10,768.00 sahaja berbanding kos sebenar berjumlah RM451,929.00. Selain itu, pendidikan tinggi di Malaysia juga hampir percuma dengan penyediaan kemudahan pembiayaan kewangan kepada pelajar seperti Biasiswa, pinjaman PTPTN, dan juga pemberian bantuan kewangan kepada pelajar pengajian asasi di UA.

Bagi menangani perkara isu pelajar-pelajar di bawah kategori B40, pihak UA juga telah mengambil beberapa inisiatif berikut iaitu:

1. Menyediakan kemudahan pembiayaan melalui tabung endowmen/wakaf/zakat/infaq/pinjaman jangka masa pendek dan panjang/Skim Hadiah Pelajaran Bestari dan insentif untuk sara diri. Contoh kemudahan pembiayaan yang telah dilaksanakan adalah seperti, **Skim Tabung Endowmen Bantuan Pelajar (STEBP) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Biasiswa Endowmen Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tabung Amanah Endowmen Universiti Malaysia Pahang (UMP)**.
2. Khairat kematian juga disediakan oleh pihak UA dalam membantu meringankan dan memudahkan urusan pengkubumian pelajar/ahli keluarga yang terlibat.
3. Biasiswa/Pinjaman diberikan kepada golongan pelajar asnaf dan B40 serta pengurangan atau pengecualian yuran diberikan kepada pelajar yang memerlukan.

Pemberian bantuan dan pengurangan yuran kepada pelajar-pelajar di bawah kategori B40 ini adalah diharapkan dapat membantu mengurangkan beban pelajar IPT.

Sekian, terima kasih. RJM 120

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO: 28

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan semasa rancangan dan usaha merangka Dasar Agro Makanan 2.0 (2021-2030) yang diumumkan sejak tahun lalu lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) merupakan satu dokumen pelan jangka panjang merangkumi pelbagai aspek berkaitan sektor agromakanan. Pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2021 sebaik sahaja tempoh pelaksanaan DAN sedia ada berakhir.

Tiga objektif DAN sedia ada iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan berdaya saing dan mampan dan meningkatkan pendapatan usahawan tani akan diteruskan dalam pelaksanaan DAN 2.0.

Selain itu, DAN 2.0 juga akan terus menangani isu-isu semasa sektor agromakanan seperti ketidakstabilan harga input pertanian, penurunan kadar pertukaran wang asing, kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing, peningkatan defisit Imbalan Dagangan, dan sebagainya dalam tempoh sedekad.

SOALAN NO: 28

Ketika ini, Kajian Penyediaan DAN 2.0 sedang berada di peringkat pra-pelaksanaan kajian dan kajian selama 18 bulan tersebut dijangka bermula pada bulan Julai 2019. Kajian Penyediaan DAN 2.0 bertujuan untuk:

- i. Melaksana penilaian dan analisis jurang terhadap pencapaian DAN berbanding objektif dan sasaran ditetapkan;
- ii. Mengkaji dan menganalisa trend industri agromakanan semasa dan akan datang serta membangunkan cadangan DAN 2.0; dan
- iii. Menyedia pelan tindakan yang komprehensif bagi memastikan kelancaran pelaksanaan objektif DAN 2.0.

Manakala, fokus pembaharuan yang akan diberikan penekanan dalam DAN 2.0 2021-2030 pula adalah seperti berikut:

- i. Menjamin kecukupan bekalan makanan negara (*food security*);
- ii. Memperkuuh penggunaan teknologi dalam sektor agromakanan selaras dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0)
- iii. Memastikan sektor agromakanan adalah mampan dan selaras dengan komitmen negara mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG); dan
- iv. Membangun produk pertanian bernilai tinggi sebagai sumber kekayaan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 24

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini pengenalan mekanisme subsidi petroleum bersasar baharu dan adakah Kerajaan akan menghapuskan had paras harga petrol RON95 susulan pelaksanaan mekanisme subsidi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang diperingkat akhir memuktamadkan cadangan mekanisme penyampaian subsidi petrol bersasar untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Pengumuman lanjut berkaitan program ini akan dibuat sejurus setelah mendapat kelulusan tersebut.

Merangka satu program subsidi petrol baru yang betul-betul sempurna akan mengambil masa yang terlalu lama untuk dilaksanakan. Oleh itu, KPDNHEP berpandangan bahawa kaedah bantuan tunai terus ke akaun bank penerima subsidi adalah kaedah terbaik pada masa ini. Pelaksanaan program Bantuan Sara Hidup (BSH) membuktikan kaedah penyampaian bantuan kerajaan terus kepada penerima yang efektif dan cepat.

Oleh itu, bermula dengan mekanisme yang sedia ada membolehkan Kementerian untuk melaksanakan program subsidi petrol bersasar dengan segera seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2019. Pada masa yang sama ia memberikan ruang kepada kementerian untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak dan seterusnya memperbaiki secara tangkas (*agile*) mekanisme pelaksanaan subsudi petrol mahupun penetapan kriteria penerima subsidi petrol.

Sekian, terima kasih.